MANAQIB

# SAIYIDINA AL-IMAM AL-GHAUTS

## AS-SAIYID AHMAD BIN AR-RIFAIE AL-HUSAINI

رضي الله عنهم وأرضاهم



MANAQIB SAIYIDINA AL-IMAM AL-GHAUTS AS-SAIYID AHMAD BIN AR-RIFAIE AL-HUSAINI

MANAQIB

# SAIYIDINA AL-IMAM AL-GHAUTS

## AS-SAIYID AHMAD BIN AR-RIFAIE AL-HUSAINI

رضي الله عنهم وأرضاهم


Pengelenggara teks :

Al-Hajj Dr. Mahmoud MrGlani Al-Madani Al-Malizi

Alih bahasa :

Us. Rahmat Muhamad As-Syazili

Diterbitkan oleh :
**Zawiyah Sydna Abul Hasan As-Syazili**
Lot 177, Jalan Balai Panjang, Kg. Durian Daun,
71300 Rembau, Negeri Sembilan Darul Khusus
Malaysia
+60 18-662 7025

Penyelenggara teks :
Al-Hajj Dr. Mahmoud MrGlani Al-Madani Al-Mālīzi

Alih bahasa & hakcipta terjemahan :
© Ust. Rahmat Muhamad As-Syazili,
Wakil Tareqat As-Syaziliyyah Negeri Sembilan

Terbitan pertama :
Muharram 1448H/Jun 2026M

**Majālis Ar-Rahmatul Muhdāh**
https://t.me/+ABsgA4KYIXplZWRI

Saiyidina Al-Imam Al-Ghauts As-Saiyid Ahmad Bin Ar-Rifaie Al-Husaini merupakan salah seorang dari empat quthb besar yang keagungan martabat mereka telah disepakati oleh umat Saiyidina Muhammad ﷺ bahawa mereka sesungguhnya tiang-tiang utama penegak institusi kewalian yang agung رَضِيَ اللهُ عَنهُم وَأَرضَاهُم. Beliau juga salah satu dari *As-Sab`ul Matsāni* yang telah dikurniai oleh Robbul `Izzati wal Jalāl kepada Saiyidina wa Maulana Nabi kita yang agung ﷺ bagi mengkhidmati agama Islam, keimanan hati dan ihsan rohani.

Sidi As-Sarrāj meriwayatkan daripada mahkota para`ārifīn Sidi Abul Wafa' رَضِيَ اللهُ عَنهُ bahawa pada suatu hari seorang lelaki lalu di hadapannya lantas beliau menegurnya : "Bertaubatlah engkau". Lelaki itu berkata : "Wahai tuanku, apakah tuan membaca apa yang tertulis pada dahi manusia?". Sidi Abul Wafa' pun

memandang kepadanya lalu pengsanlah beliau seketika. Setelah kembali sedar, orang ramai bertanya kepadanya. Beliau berkata : "Pada lelaki ini tertera tanda Sidi Ahmad Bin Ar-Rifaie yang akan muncul tak lama lagi ; dia tuan empunya jalan yang ganjil dan *sirr* yang menakjubkan sehingga makhluk menjadi bingung terhadapnya". Mereka bertanya : "Adakah lelaki ini akan hidup sehingga zaman kemunculannya?". Beliau menjawab : "Ya".

Sidi As-Sarrāj berkata : "Dan telah diriwayatkan kepada kami bahawa ketika Imam Ar-Rifaie masih kecil, ada sekumpulan fuqara' melalui tempatnya. Mereka singgah dan memerhatikannya. Salah seorang daripada mereka berkata : "لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللهِ, telah zahir pohon yang diberkati ini".

Yang kedua berkata : "Akan terbit daripadanya dahan-dahan yang banyak".

Yang ketiga berkata : "Tidak lama lagi pohon ini akan rendang dan redupnya akan menaungi ramai manusia".

Yang keempat berkata : "Tidak lama lagi buahnya akan lebat dan bulannya akan bersinar terang".

Yang kelima berkata : “Tidak lama lagi manusia akan melihat darinya berbagai keajaiban dan akan banyak berkehendak kepadanya”.

Yang keenam berkata : “Tidak lama lagi kedudukannya akan menjadi tinggi dan buktinya akan terserlah”.

Yang ketujuh berkata : “Betapa banyak pintu yang akan ditutup terhadapnya, dan betapa ramai pula para pendukung yang akan zahir untuknya”.

# Teguran Untuk Penjaga Lautan

Kami meriwayatkan daripada Sidi Abu Zaid Bin Abd. Rahman Bin Salim Bin Ahmad Al-Qurasyi, daripada Sidi Abul Fath Al-Wāsithi, daripada Sidi Abul Hasan anak saudara kepada Sidi Ahmad رَضِيَ اللهُ عَنهُ, dia menceritakan : "Aku sedang duduk di hadapan pintu *kholwah* pamanku Sidi Ahmad. Ketika itu tiada seorang pun bersamanya. Tiba-tiba aku mendengar suatu bunyi dari dalam. Aku melihat seorang lelaki yang belum pernah ku lihat sebelum itu. Mereka berdua berbicara dalam tempoh yang agak lama dan kemudian lelaki itu keluar melalui satu lubang pada dinding ; dia bergerak di udara bagai kilat menyambar.

Aku bertanya mengenainya kepada pamanku. Beliau berkata : "Adakah engkau melihatnya?", aku menjawab : "Ya". Pamanku pun berkata : "Dengan lelaki itu ALLAH memelihara lautan luas. Dia adalah salah satu daripada empat orang *khawās* yang terpilih. Namun sejak tiga hari yang lalu dia telah dipencilkan tanpa dia menyedarinya". Aku bertanya : "Apakah sebabnya?". Pamanku menjawab : "Dia menetap di sebuah pulau. Tiga hari yang lalu hujan turun dengan lebat sehingga lembah-lembahnya dipenuhi aliran air, maka terlintaslah di hatinya : "Alangkah bagusnya jika

hal ini berlaku di negeri yang makmur berpenghuni". Dia kemudian beristighfar. Namun demikian, dia telah dipencilkan kerana lintasan hatinya itu (mengandungi bantahan halus)".

Aku berkata : "Apakah tuan sudah memberitahunya?". Pamanku menjawab : "Aku merasa segan untuk memberitahunya". Aku berkata : "Jika tuan mengizinkan, biarlah hamba menyampaikan kepadanya". Pamanku mengizinkan dan berkata kepadaku : "Tundukkan kepalamu ke dalam kolar pakaianmu". Aku melakukannya, kemudian aku mendengar suara menyeru : "Wahai Ali, angkatlah kepalamu".

Aku pun mengangkat kepala lalu mendapati diriku berada di sebuah pulau. Aku menjadi kehairanan dan berjalan ke hadapan. Tak lama kemudian aku bertemu dengan lelaki itu. Aku memberi salam kepadanya dan menyampaikan apa yang telah dikatakan oleh pamanku. Mendengarkan itu dia berkata : Demi ALLAH, aku memohon kepadamu supaya engkau melakukan apa yang akan aku perintahkan. Belitkan kain lusuhku pada leherku ini, kemudian seretlah aku dengan mukaku ke tanah sambil engkau menyeru : "Inilah balasan bagi orang yang membantah ketentuan ALLAH".

Aku pun melakukan seperti suruhannya dan telah bersedia untuk menyeretnya. Namun tiba-tiba aku mendengar suatu seruan : “Wahai Ali, tinggalkanlah dia. Sesungguhnya para malaikat di langit telah menangis dan memohon syafaat untuknya, dan sesungguhnya ALLAH Taala telah meredainya”. Itu membuat aku jatuh pengsan seketika kemudian tersedar kembali dan mendapati diriku telah berada di ruang *kholwah* pamanku. Demi ALLAH, tidaklah aku mengetahui bagaimana aku pergi ke sana dan bagaimana pula aku kembali”.

# Bangunlah Wahai Anak

Kami meriwayatkan daripada Syeikh yang soleh Abdul Ahad Bin Sulaiman Al-Maqālīsi, bahawa beliau berkata : “Aku pernah menghadiri majlis Syeikh Ibrahim Al-Fārūtsi. Saat itu beliau sedang menyebut kelebihan para masyaikh. Apabila menyebut seseorang syeikh, beliau akan berkata : “Syeikh fulan”, namun apabila menyebut Sidi Ahmad, beliau akan berkata : “Syeikh kami Sidi Ahmad”. Lalu seorang faqir yang hadir membantahnya seraya berkata : Mengapakah tuan menyebut Syeikh Mansur dengan panggilan “Syeikh fulan”, tetapi apabila menyebut Sidi Ahmad tuan berkata “Syeikh kami Sidi Ahmad?! Bukankah mereka semua orang-orang yang soleh?”

Maka Syeikh Ibrahim menjawab : “Bagaimana mungkin aku tidak mengatakan demikian terhadap seorang lelaki yang ALLAH telah menghidupkan seorang yang sudah mati melalui tangannya?!”. Si faqir bertanya: “Bagaimanakah kejadiannya?”. Beliau pun berkata : “Ayahku Syeikh Umar menceritakan kepadaku bahawa beliau pernah datang bersama sekumpulan orang ke Al-Fārūts. Mereka tiba, seorang penasyid melagukan qasidah saat petang hari Jumaat, kemudian mereka menunaikan solat maghrib dan menikmati hidangan makanan, kemudian menunaikan

solat isyak. Sesudah itu mereka masuk ke *ribath* (bangunan) tempat para fuqara' dan para *qāri* (pelajar) bermalam. Ketika itu para *qāri* telah pun tidur. Di dalam *ribath* tersebut ada seorang kanak-kanak, anak kepada salah seorang masyaikh kaum itu yang sedang tidur di bawah selimut.

Apabila para fuqara' telah berhimpun di *ribath* mereka menyanyikan qasidah (dan berzikir) sebagaimana kebiasaan mereka pada waktu sahur, kemudian mereka bangun menari dengan asyiknya. Dalam keadaan itu mereka tanpa sedar telah memijak-mijak anak kecil tersebut dan terus menari di atas tubuhnya sepanjang malam. Hancur remuklah anak kecil itu dan wajahnya menjadi leper bagai sekeping roti ; tak dapat lagi dibezakan bahagian muka dan belakang kepalanya.

Menjelang subuh mereka keluar untuk menunaikan solat. Setelah itu datanglah seorang khadam untuk mengemaskan tempat tidur. Ketika dia mengibas selimut tubuh si anak kecil terjatuh dalam keadaan sudah meninggal dunia dan remuk teruk. Khadam segera menemui ayahku dan menceritakan perkara tersebut. Hati ayahku menjadi sempit dan dukacita lantas pergi menemui Sidi Ahmad dan memaklumkan kepadanya tentang kejadian itu.

Sidi Ahmad berkata : “Wahai Umar, bangunlah berjalan di hadapanku. Kita lihat keadaan anak itu”. Mereka berdua pun datang kepada si anak yang masih berada di bawah selimut, sedangkan hari sudah terang. Sidi Ahmad berdiri, lalu membentangkan sehelai kain kemudian beliau menunaikan dua rakaat solat. Setelah itu beliau menadahkan tangannya dan berdoa dengan beberapa doa. Kemudian beliau menyeru kepada anak kecil itu : “Wahai si fulan, bangunlah dan tunaikan solat”.

Ayahku berkata : “Demi ALLAH, belum pun selesai seruannya, kanak-kanak itu terus mengangkat kepalanya dari bawah selimut seraya menjawab : “*Labbayk*”, lantas Sidi Ahmad berkata : “Wahai anakku, matahari telah pun tinggi. Bangunlah”. Kemudian beliau mengusapkan tangannya yang penuh berkat ke tubuh kanak-kanak itu, maka bangunlah si kecil seolah-olah tidak pernah ditimpa sebarang kesakitan. Sesudah itu Sidi Ahmad berkata kepada ayahku: “Wahai Umar, demi hayatku ke atasmu dan demi hayat Syeikh Mansur ke atasmu, janganlah engkau menceritakan peristiwa ini kepada sesiapa. Simpanlah ia sebagai rahsia”. Ayahku menjawab : “Hamba dengar dan hamba taat”.

Kemudian Sidi Ahmad kembali ke Ummu `Ubaidah. Setelah selesai menceritakan kisah itu, Syeikh Ibrahim berkata kepada mereka yang hadir : "Wahai tuan-tuan sekalian, bagaimana mungkin aku tidak mengatakan "*Sidi*" (Tuanku) kepada seseorang yang telah dikurniakan karamah seperti ini?! Sedangkan karamah ini pada hakikatnya adalah limpahan daripada mukjizat Saiyidina RasuluLLAH ﷺ".

Beliau berkata lagi : "Dan kami meriwayatkan daripada Syeikh Al-Fārūtsi رَحمَةُ اللهِ تَعَالَى عَلَيهِ bahawa beliau telah berkali-kali hadir di sisi makam Sidi Ahmad. Pada suatu ketika beliau berbicara kepada Sidi Ahmad lalu mendengar jawapannya dengan suara yang lantang dari dalam kubur : "Hajatmu telah ditunaikan".

# Harganya Mahligai di Syurga

Al-Imam Al-Yafi`i berkata dalam kitab *Rawdh ar-Rayāhīn* : "Diriwayatkan bahawa Syeikh Jamaluddin khatib Auwinah, merupakan salah seorang murid kanan Sidi Ahmad. Di Auwinah ada sebidang kebun yang ingin dibelinya kerana suatu keperluan yang mendesak. Pada suatu hari beliau meminta kepada Sidi Ahmad agar mengutus wakil pergi berunding dengan pemilik kebun iaitu Syeikh Ismail Bin Abdul Mun`im mahaguru Auwinah, dan membelinya dari beliau. Maka kata Sidi Ahmad : "Dengan senang hati wahai saudaraku, aku sendiri yang akan pergi menemuinya". Beliau pun bangun dan berjalan bersama Jamaluddin menemui pemilik kebun itu di kediamannya di Auwinah. Sidi Ahmad menyatakan saranan dan dokongannya bagi pihak Syeikh Jamaluddin agar kebun tersebut dijual, namun Syeikh Ismail enggan.

Sidi Ahmad mengulangi saranannya beberapa kali hingga akhirnya Syeikh Ismail berkata : "Wahai tuanku, jika tuan sanggup membelinya dengan harga yang hamba kehendaki, nescaya akan hamba jual ia". Sidi Ahmad bertanya : "Wahai Ismail, beritahulah kepadaku berapakah harga yang engkau mahu?". Beliau menjawab : "Wahai tuanku, belilah kebun ini

daripada hamba dengan harga sebuah mahligai di syurga".

Mendengarkan itu Sidi Ahmad berkata : "Wahai anakku, siapalah aku sehingga engkau meminta perkara seperti itu daripadaku? Mintalah dariku apa saja daripada perkara dunia dan bukan apa yang engkau katakan tadi". Namun Syeikh Ismail berkata : "Wahai tuanku, tiada hamba kehendaki sesuatu daripada dunia, tiada lain dari apa yang telah hamba sebutkan".

Sidi Ahmad lantas menundukkan kepalanya, wajahnya berubah pucat dan jelas berbeza daripada kebiasaannya. Setelah beberapa ketika beliau mengangkat kepalanya semula ; pucatnya tadi telah bertukar menjadi kemerahan lalu beliau berkata : "Wahai Ismail, telah aku beli kebun itu darimu dengan harga yang engkau minta". Syeikh Ismail berkata : "Wahai tuanku, tuliskanlah dengan tanganmu suatu surat untuk hamba sebagai bukti".

Sidi Ahmad pun menulis pada sehelai kertas : *"Dengan nama ALLAH yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Inilah apa yang telah dibeli oleh Ismail Bin Abdul Mun`im daripada hamba yang faqir lagi hina, Ahmad Bin Abil Hasan Ar-Rifaie yang menjamin untuknya -dengan*

*bersandar kepada kepemurahan ALLAH Taala- sebuah mahligai di syurga. Mahligai itu dikelilingi oleh empat sempadan : Sempadan pertama menghadap kepada Syurga `Adn. Sempadan kedua menghadap kepada Syurga Al-Ma'wa. Sempadan ketiga menghadap kepada Syurga Al-Khuld. Sempadan keempat menghadap kepada Syurga Al-Firdaus ; berserta sekalian bidadari, para pelayan, hamparan, singgahsana, sungai-sungai dan pepohon yang terdapat di dalamnya. Semuanya sebagai ganti bagi kebunnya di dunia ini. Dan ALLAH menjadi saksi serta penjamin atas perkara tersebut".*

Usai dari menulisnya beliau melipat surat itu dan menyerahkannya kepada Syeikh Ismail. Syeikh Ismail mengambilnya lalu pergi menemui anak-anaknya yang ketika itu sedang menyiram tanaman jagung yang mereka tanam di kebun. Beliau berkata kepada mereka : "Keluarlah. Sesungguhnya ayah telah menjual kebun ini kepada Sidi Ahmad". Mereka berkata kepadanya : "Bagaimana ayah menjualnya sedangkan kita sangat memerlukannya?!". Beliau lantas menceritakan kepada mereka mengenai mahligai syurga dan menunjukkan surat yang ditulis oleh Sidi Ahmad di tangannya. Namun mereka masih enggan menerima keputusan itu melainkan jika mereka turut dijadikan sebagai rakan kongsi pada harga jualannya. Maka beliau berkata : "Keluarlah kalian. Mahligai itu adalah milikku dan juga

milik kalian. ALLAH menjadi saksi atas apa yang kami katakan ini". Mendengarkan itu mereka pun reda, lalu meninggalkan kebun tersebut.

Setelah itu Syeikh Jamaluddin menguasai kebun berkenaan dan menguruskannya menurut kehendaknya. Tak lama kemudian Syeikh Ismail kembali ke rahmatullah. Sebelum meninggal dunia beliau telah berpesan kepada anak-anaknya agar surat Sidi Ahmad itu diletakkan di dalam kain kafannya. Wasiat itu mereka laksanakan dan mereka pun mengebumikannya. Apabila mereka datang ke kuburnya pada keesokan pagi, mereka mendapati tertulis pada kuburnya firman ALLAH Taala :

﴿قَد وَجَدنَا مَا وَعَدَنَا رَبُّنَا حَقًّا﴾

*"Sesungguhnya kami telah mendapati apa yang dijanjikan Tuhan kami itu benar".*

# Tanyalah Apa Yang Terlintas di Hatinya

Diriwayatkan juga bahawa saat masih muda remaja Sidi Ahmad belajar membaca Al-Quran kepada Syeikh Ali Ibn Al-Qāri Al-Wāsithi. Pada suatu hari, seorang lelaki mengadakan jamuan makan lalu mengundang Syeikh Ibn Al-Qāri berserta para pelajarnya, para masyaikh, para qari dan beberapa orang yang lain. Usai makan, bersama mereka ada seorang *qawwal* (penasyid) yang mula melagukan qasidah sambil memukul rebana. Ketika itu Sidi Ahmad duduk berhampiran tempat meletakkan kasut para hadirin dan dia menjaga kasut gurunya Syeikh Ibn Al-Qāri.

Apabila mereka merasa harmoni dan lapang hati dengan nyanyian itu, sebahagian hadirin pun merasai *wajd* (keasyikan rohani) lalu berdiri dan bergerak-gerak mengikut rentak qasidah. Tiba-tiba Sidi Ahmad bingkas dan bertindak memecahkan rebana yang dimainkan oleh si *qawwal*. Para masyaikh yang hadir tersentak, mereka segera berpaling kepada Syeikh Ali Ibn Al-Qāri lantas mempersalahkannya atas perbuatan yang dilakukan oleh Sidi Ahmad Ar-Rifaie. Mereka berkata : “Dia masih anak kecil dan tiadalah kami mempertanggungjawabkan dia. Sebaliknya kami menuntut penjelasan daripadamu”. Syeikh Ibn Al-Qāri

menjawab : “Tanyalah dia sendiri. Jika dia mempunyai jawapan, maka dengarkanlah. Jika tidak, biar aku yang bertanggungjawab”.

Mereka lantas bertanya kepada Sidi Ahmad : “Mengapa engkau memecahkan rebana itu?”. Sidi Ahmad kecil menjawab : “Wahai tuan-tuan, marilah kita kembali kepada amanah *qawwal* yang bersama kita ini. Biar dia yang memberitahu apakah fikiran yang melintas dalam benak hatinya saat nyanyiannya tadi. Apa sahaja yang diakuinya, itulah yang akan kita terima”. Mereka pun bertanya kepada *qawwal* tersebut tentang apa yang terlintas di hatinya. Si *qawwal* berkata : “Semalam hamba hadir bersama sekelompok orang yang sedang minum arak dalam majlis mereka. Mereka minum hingga mabuk terhoyong-hayang sebagaimana para masyaikh ini bergoyang tadi. Maka terlintaslah di hati hamba bahawa mereka yang terhoyong-hayang di majlis semalam sama sahaja dengan yang bergoyang-goyang di majlis ini. Belum pun habis lintasan hati hamba itu tiba-tiba anak muda ini bingkas bangun dan memecahkan rebana hamba”.

Apabila mendengar pengakuan itu, para masyaikh pun bangun menghampiri Sidi Ahmad Ar-Rifaie lalu mencium tangannya”.

# Menulis Doa

Diriwayatkan bahawa apabila seseorang meminta kepada Sidi Ahmad untuk menuliskan suatu *'iwadzah* (azimat) atau doa perlindungan, sedangkan ketika itu tiada dakwat untuk menulis, beliau akan mengambil kertas tersebut lalu menulis di atasnya tanpa menggunakan dakwat. Pada suatu hari beliau menuliskan sesuatu untuk seorang lelaki dengan cara demikian. Lelaki itu mengambil kertasnya lalu menghilangkan diri untuk beberapa waktu. Kemudian dia datang semula membawa kertas yang sama dan menyerahkannya kepada Sidi Ahmad supaya dituliskan sesuatu padanya. Tujuannya adalah untuk menguji beliau. Apabila Sidi Ahmad melihat kertas itu, beliau berkata : "Wahai anakku, kertas ini sudah ditulis", lalu beliau mengembalikannya tanpa menzahirkan walau sedikit pun rasa kesal atau terganggu.

# Dapat Didengar Dari Jauh dan Dekat

Al-Imam As-Sya'rani berkata mengenai Sidi Ahmad Ar-Rifaie قَدَّسَ اللهُ سِرَّهُ العَزِيزَ : "Beliau adalah Al-*ghauts* terbesar dan *quthb* yang paling masyhur ; salah seorang tonggak utama jalan tareqat dan imam para *`ārifīn* yang telah disepakati umat akan kepimpinan rohani serta iqtikad bahawa mulia kedudukan mereka. Karamah beliau amat banyak, antaranya bicara beliau dapat didengar dari jarak jauh sama seperti orang yang dekat mendengarnya. Bahkan para warga kampung-kampung yang di sekitar Ummu `Ubaidah akan duduk di atas bumbung rumah mereka lalu mendengar suara beliau dengan jelas serta memahami segala yang diperkatakannya. Sehinggakan orang yang pekak dan tuli apabila hadir ke majlisnya, ALLAH membuka pendengaran mereka untuk mendengar ucapannya.

Dan antara ahwal beliau ialah apabila Al-Haqq Taala menzahirkan kepadanya tajalli keagungan dan kebesaran-NYA tubuh beliau akan luluh sehingga menjadi seperti suatu tompokan air. Kemudian limpahan *luthf* (maha berlemah lembut) Ilahi datang memulihkannya sehingga tubuhnya sedikit demi sedikit kembali membeku dan mengambil bentuk asalnya sehingga beliau kembali kepada jasadnya yang

biasa. Dalam hal itu beliau berkata : “Kalaulah bukan kerana maha berlemah lembutnya ALLAH, nescaya aku tidak akan kembali kepada kalian”.

Al-Imam Al-Munawi berkata : “Nama beliau ialah Ahmad Bin Ali Bin Ahmad Bin Yahya Bin Hazim Bin Rifa’ah. Beliau seorang saiyid yang mulia, *quthb* yang masyhur, ahli zuhud yang agung dan termasuk dalam kalangan awliya’ yang masyhur. Beliau adalah Abu Al-`Abbās Ar-Rifāie.

# Kertas Putih Dari Langit

Antara karamah beliau ialah kisah dua orang sahabat yang saling berkasih sayang kerana ALLAH. Seorang bernama Ma`āli dan seorang lagi Bernama Abdul Mun`im. Pada suatu hari dua sahabat ini keluar ke padang pasir, salah seorang daripada mereka berkata alangkah baiknya jika diturunkan dari langit suatu surat pembebasan daripada api neraka. Tiba-tiba gugurlah sehelai kertas putih dari langit. Mereka melihatnya dan tak mendapati sebarang tulisan padanya. Mereka pulang membawa kertas itu kepada Sidi Ahmad tanpa mengkhabarkan apa yang telah berlaku. Sidi Ahmad memandang kertas tersebut lantas beliau sujud dan berkata : "Segala puji bagi ALLAH yang telah memperlihatkan kepadaku pembebasan para sahabat (murid)ku daripada api neraka di dunia sebelum Akhirat". Maka ada yang mengujar kepada beliau : "Kertas ini putih semata (tidak bertulis apa-apa)". Beliau menjawab : "Wahai anak-anakku, *tangan qudrah* (kekuasaan Ilahi) tidak menulis dengan dakwat hitam. Surat ini ditulis dengan nur".

# Mengucup Tangan Baginda ﷺ

Antara karamahnya lagi ialah pada suatu hari beliau sedang duduk di serambinya di Ummu `Ubaidah. Tiba-tiba beliau menjulurkan lehernya seraya berkata : "Di atas tengkukku". Maka ada yang bertanya tentang maksud kata-kata tersebut. Beliau menjawab : "Pada saat ini Syeikh Abdul Qadir di Baghdad telah berkata : "Kakiku ini berada di atas tengkuk setiap wali ALLAH". Peristiwa itu kemudian dicatatkan tarikhnya, dan didapati ia benar-benar berlaku pada waktu yang sama.

Ketika pergi menunaikan haji, Sidi Ahmad berdiri menghadap Al-Hujrah An-Nabawiyyah yang mulia lalu melantunkan syair :

فِي حَالَةِ البُعدِ رُوحِي كُنتُ أُرسِلُهَا
تُقَبِّلُ الأَرضَ عَنِّي فَهِيَ نَائِبَتِي
وَهَذِهِ نَوبَةُ الأَشبَاحِ قَد ظَهَرَت
فَامدُد يَمِينَكَ كَي تَحظَى بِهَا شَفَتِي

*Ketika berjauhan,*
*aku mengutus rohku datang ke mari*
*mewakili diriku,*

*untuk mencium tanahmu ini.*
*Kini masanya jasadku hadir di sini ;*
*maka sudilah menghulur tanganmu*
*agar bertuah bibirku mengucupnya.*

Maka keluarlah tangan yang mulia dari makam yang mulia itu lalu dikucup oleh beliau. Peristiwa ini disaksikan dengan nyata oleh ramai yang hadir.

Diriwayatkan bahawa Saiyidina Ahmad Ar-Rifaie رَضِيَ اللهُ عَنهُم وَأَرضَاهُم telah memberitahu terlebih dahulu tentang waktu kewafatannya serta keadaan yang akan mengiringinya. Maka segala yang berlaku kemudian adalah sebagaimana yang beliau khabarkan.

# Menjamu Utusan Dari Timur

Syeikh yang mulia Abul Farj Abd. Rahman Bin Ali Ar-Rifaie -anak saudara perempuan beliau- menceritakan : "Pada suatu hari aku sedang duduk di satu tempat yang membolehkan aku dapat melihat Sidi Ahmad dan mendengar percakapannya. Ketika itu beliau sedang bersendirian. Tiba-tiba turun dari udara seorang lelaki lalu duduk di hadapannya.

Sidi Ahmad berkata : "Selamat datang wahai utusan dari timur".

Lelaki itu mengujar : "Sudah dua puluh hari aku tidak makan dan minum. Semoga tuan sudi menjamu seleraku".

Sidi Ahmad bertanya : Apakah seleramu?".

Kata Syeikh Abul Farj yang meriwayatkan cerita ini : "Ketika itu Sidi Ahmad memandang kepadaku dan tiba-tiba ada lima ekor angsa sedang terbang. Maka lelaki itu berkata : "Aku ingin seekor dari kawanan angsa itu ; siap masak dipanggang, dua keping roti gandum dan satu kendi air yang dingin".

Maka Sidi Ahmad berkata : “Engkau akan mendapatkannya”. Beliau memandang ke arah kawanan angsa itu lalu berkata : “Bersegeralah memenuhi selera lelaki ini”. Belum pun selesai kata-kata itu diucapkan, seekor daripada angsa-angsa tersebut turun ke hadapannya dalam keadaan telah siap dipanggang. Kemudian Sidi Ahmad menghulurkan tangannya kepada dua ketul batu yang berada di sisinya lalu meletakkannya di hadapan lelaki itu. Tiba-tiba kedua-duanya bertukar menjadi dua keping roti panas yang sangat bagus rupa dan aromanya. Kemudian beliau menghulurkan tangannya ke udara dan tiba-tiba saja tangannya sudah memegang satu kendi merah berisi air.

Lelaki itu pun makan dan minum, setelah selesai dia beredar pergi sebagaimana datangnya. Sidi Ahmad kemudian bangun mengambil tulang-tulang angsa yang tinggal dan mengumpulkannya di tangan kirinya lalu mengusapnya dengan tangan kanan seraya berkata : “Wahai tulang-belulang yang terpisah-pisah dan anggota-anggota yang bercerai-berai, pergilah engkau dan terbanglah dengan izin ALLAH Taala dengan بِسمِ اللهِ الرَّحمَنِ الرَّحِيم”. Kata Syeikh Abul Farj : “Maka tulang-belulang itu kembali menjadi seekor angsa yang sempurna sebagaimana asalnya, lalu terbang di udara sehingga hilang dari pandanganku”.

# Balasan Sabar dan Santun

Ada seorang murid beliau menceritakan bahawa dia telah beberapa kali melihat Sidi Ahmad dalam mimpinya berada di *Maq`adi Şidqin* (kedudukan termulia di dalam syurga di sisi ALLAH), namun dia tidak pernah menceritakan mimpinya itu kepada sesiapa. Adalah pada masa itu Sidi Ahmad beristeri seorang perempuan yang kasar tutur katanya, sering merendah-rendahkan suami dan menyakiti hatinya. Pada suatu hari murid itu datang menziarahi Sidi Ahmad lalu mendapati isteri beliau itu dengan batang pengacau api memukul bahu beliau. Akibat pukulan tadi pakaian beliau menjadi hitam terkena jelaga, sedangkan beliau tetap diam tanpa membalas.

Si murid merasa tidak senang melihat peristiwa itu lalu keluar dari rumah Sidi Ahmad. Dia bertemu dengan para murid yang lain dan berkata : "Wahai sekalian saudara, wanita ini memperlakukan syeikh kita sedemikian rupa dan kalian semua hanya berdiam diri sahaja?!". Sebahagian mereka menjawab : "Mas kahwin isterinya itu lima ratus dinar, sedangkan beliau seorang fakir yang tidak mampu membayarnya".

Mendengar hal itu si murid pergi lalu mengumpul lima ratus dinar dan datang membawa

wang itu di atas sebuah dulang lantas meletakkannya di hadapan Sidi Ahmad. Beliau pun bertanya : "Apakah ini?". Si murid menjawab : "Ini adalah mas kahwin perempuan celaka yang telah melakukan begian dan begian kepadamu tuan". Mendengar kata-kata itu Sidi Ahmad hanya tersenyum lalu berkata : "Kalaulah bukan kerana kesabaranku terhadap pukulan dan lidahnya, nescaya engkau tidak melihat aku berada di *Maq`adi Şidqin* itu".

Syeikh Syamsuddin cucu Ibnul Jauzi berkata dalam kitab *Tārikh*-nya : "Beliau رَضِيَ اللهُ عَنهُ memiliki banyak karamah dan maqam-maqam yang tinggi. Murid-muridnya menunggang singa, bermain dengan ular, dan ada yang dapat memanjat pokok kurma yang sangat tinggi lalu mencampakkan dirinya ke bumi tanpa mengalami sebarang kecederaan". Perkara tersebut turut disebut oleh At-Tāzifi dalam kitab *Qala'id al-Jawāhir*.

Saiyidina Al-Imam Al-Ghauts As-Saiyid Ahmad Bin Ar-Rifaie Al-Husaini رَضِيَ اللهُ عَنهُم وَأَرضَاهُم wafat pada tahun 578 Hijrah.

وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وصَحبِهِ وَسَلَّمَ تَسلِيمًا ❊ سُبحَانَ رَبِّكَ رَبِّ العِزَّةِ عَمَّا يَصِفُونَ ❊ وَسَلَامٌ عَلى المُرسَلِينَ ❊ وَالحَمدُ لِلّٰهِ رَبِّ العَالَمِين ❊